



19 APR, 2024

Himpunan RXZ dorong penyeludupan

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Himpunan RXZ dorong penyeludupan

KOTA BHARU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan tidak menolak kemungkinan penganjuran beberapa siri himpunan motosikal jenis Yamaha RXZ mendorong kepada peningkatan aktiviti penyeludupan model berkenaan dari negara jiran.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, model tersebut kemudian diklon dan dijual lebih rendah berbanding harga pasaran.

Katanya, situasi berkenaan menyaksikan model motosikal itu mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penduduk di negeri ini.

“Motosikal jenis RXZ ini biasanya dijual kepada pembeli tempatan dengan harga sekitar RM7,000 hingga RM8,000 sebuah. Biasanya harga yang ditawarkan lebih rendah dari pasaran.

“Orang ramai dingatkan supaya lebih berhati-hati membeli kenderaan dan motosikal yang menawarkan harga jauh lebih murah,” katanya dalam sidang akhbar di Unit Operasi Penguatkuasaan JKDM di sini, semalam.

Dalam perkembangan sama, Wan Jamal Abdul Salam memberitahu, pihaknya merampas beberapa buah kenderaan klon dan motosikal berkuasa tinggi yang diseludup dari negara jiran.

Katanya, operasi yang dilakukan selama dua bulan bermula 15 Februari sehingga 15 April lalu itu bukan hanya tertumpu di negeri ini tetapi meliputi beberapa negeri lain.

Ujarnya, rampasan yang dilakukan itu termasuk di Selangor, Johor Bharu, Kedah dan Kelantan dengan anggaran nilai dan cukai semasa berjumlah RM579,418.



WAN Jamal Abdul Salam Wan Long (kanan) bersama pegawai memeriksa model motosikal jenis Yamaha RXZ yang diseludup dari Thailand di Unit Operasi Penguatkuasaan JKDM, Kota Bharu, Kelantan, semalam.
- UTUSAN/KAMARUL BISHMI KAMARUZMAN



19 APR, 2024

Himpunan RXZ dorong penyeludupan

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan tidak menolak kemungkinan penganjuran beberapa siri himpunan motosikal jenis Yamaha RXZ mendorong kepada peningkatan aktiviti penyeludupan model berkenaan dari negara jiran. Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, model tersebut kemudian diklon dan dijual lebih rendah berbanding harga pasaran.Katanya, situasi berkenaan menyaksikan model motosikal itu mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penduduk di negeri ini.